تدبر

TADABBUR CENTRE

# Sinopsis 30 Juzuk

(VERSI INFOGRAFIK)

## DISCLAIMER

Sinopsis 30 Juzuk al-Quran versi infografik ini adalah edisi kemas kini yang telah disemak semula berpandukan rujukan rakaman ceramah #Tadabbur30 Ramadhan 1439H/2019M dan Tafsir al-Munir, karangan Prof. Sheikh Wahbah Mustafa al-Zuhaili

TADABBUR CENTRE

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

# Jangan Baca Al-Quran Terlalu Cepat Untuk Khatam

## (Peringatan Abdullah Bin Umar Bin Al-Khattab r.a)

قَالَ عَبْدالله بن عُمَر بنِ الخَطَّاب رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا : (لَقَد عَشْنَا دَهْرًا طَوِيلًا
وَأَحَدَنَا يُؤْتَى الإِيْمَانُ قَبْلَ القُرْآن فَتَنَزَّلَ السُورَةَ عَلَى مُحَمَّدِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ
فَنَتَعَلَّمُ حَلَالَهَا وَحَرَامَهَا وَأَمَرَهَا وَزَجْرَهَا، وَمَا يَنبَغِي أَن يَقِفَ عِندَهُ مِنْهَا
ثُمَّ لَقَدْ رَأَيْتَ رِجَالًا يُؤْتَى أَحَدَهُم القُرْآنَ قَبْلَ الإِيْمَان، فَيَقْرَأَ مَا بَيْنَ الفَاتِحَة إِلَى خَاتِمَتِهِ
لَا يَدْرِي مَا أَمَرَهُ وَلَا زَاجِره وَمَا يَنْبَغِي أَن يَقِف عِنْدَهُ مِنْه، يَنْثَرَهُ نَثْر الدَّقَل!!)

***"Sungguh telah hidup begitu lama di zaman yang setiap kami diberikan iman sebelum al-Quran, maka turunlah sesuatu surah ke atas Rasulullah SAW, Maka setiap kami belajar halal &haramnya, perintah & larangannya, dan apa yang perlu dilakukan dari kehendak surah berkenaan. Kemudian berlalu satu masa, aku kini melihat seseorang yang diberikan al-Quran sebelum iman, maka dia membaca dari al-Fatihah hingga penghujung al-Quran, tidak mengetahui apa yang diperintahkan dan apa yang dilarang, tidak juga melakukan apa yang dikehendaki ke atasnya, mencampakkan (makna setiap kalimah) seperti tercampaknya tamar-tamar yang rosak"***

(Direkodkan oleh al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra)

Rujukan Kitab: مفاتيح للتعامل مع القرآن oleh Syeikh Solah Abdul Fattah al-Khalidi, Halaman 114

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

# Juzuk 1

## [1] Al-Fatihah (Pembuka)
Ayat 1-7

**Penamaan Surah:**
Menggambarkan pembukaan al-Quran

Gambaran mengenai keseluruhan Al-Quran yang membicarakan tentang 7 perkara asasi :

- Tauhid
- Syariah
- Kauniyah
- Akhirat
- Ibadah
- Tarhib
- Taghrib

Mengandungi 2 bahagian:
1) Pujian kepada Allah
2) Doa (permintaan) kepada Allah SWT sebagai bukti kelemahan hamba yang memerlukan pergantungan kepada-Nya

- Teras kepada 113 surah selepasnya
- Disebut sebagai *Umm al-Kitab* (ibu kepada Al-Quran) & *al-Sab'u al-Mathani* (7 ayat pujian yang diulang-ulang)

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## [2] Al-Baqarah (Lembu betina)
Ayat 1 - 141

**Penamaan Surah:**
Kisah penyembelihan lembu oleh bani Israil

Menerangkan sifat orang beriman, orang kafir dan orang munafik

Mengandungi kisah:
1. Kisah Nabi Adam a.s. dan iblis
2. Kisah ketamakan kaum yahudi, sebahagian kejahatan mereka dan hukuman mereka
3. Kisah ujian buat Nabi Ibrahim a.s.
4. Kisah pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim a.s. bersama Nabi Ismail a.s.

Mengandungi kisah:
1. Wasiat Nabi Yaakub pada anak-anak beliau agar mentauhidkan Allah SWT
2. Sikap kaum yahudi terhadap Jibril dan para rasul
3. Penceritaan mengenai asal-usul sihir (perbezaan antara mukjizat para nabi dan sihir)

Pertembungan antara 2 golongan
1. Golongan yang diberikan nikmat
2. Golongan yang dimurkai

- Individu : Nabi Adam as VS Iblis
- Generasi : Nabi Musa as VS Bani Israel

# Juzuk 2

## [2] Al-Baqarah (Lembu Betina)

Ayat 142-252

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

**Penamaan Surah**: Kisah penyembelihan lembu oleh Bani Israil

**Isu Yang Dirakamkan**: Peralihan kiblat dari Baitul Maqdis Ke Kaabah

**Turunnya beberapa hukum**: Hukum Haji, Ekonomi & Jenayah

### Kandungan

1. Kepentingan solat, sabar dan lafaz istirja' (Ayat 153 – 157).
2. Hukum qisas dan wasiat (Ayat 178 – 182).
3. Puasa dan hukum berkaitan dengannya (Ayat 183 – 187).
4. Hukum-hukum Haji (Ayat 196 – 203).
5. Doa terbaik yang seharusnya diamalkan (Ayat 201).
6. Isu nikah, cerai, idah, adab meminang wanita yang baru kematian suami.
7. Kisah seorang nabi (Samuel) & Raja Thalut dan **keengganan Bani Israil untuk berjihad.**
8. Kisah Thalut & Jalut yang memberi mesej bahawa Islam menekankan **kualiti berbanding kuantiiti**

### Hikmah Peristiwa

Membuka mata orang kafir Quraisy bahawa Islam tidak menafikan kehebatan dan kemuliaan Mekah

Membina **cara fikir baru** kerana masyarakat Mekah memandang tinggi orang Yahudi sehingga mereka menjadi tempat rujukan.

Kepentingan ikhlas & jujur dalam beribadah kepada Allah SWT walaupun berlakunya pertukaran kiblat.

# Juzuk 3

## [2] Al-Baqarah (Lembu Betina) Ayat 253-286

1. Perintah infaq di jalan Allah SWT
   Motivasi agar menginfaqkan harta di jalan-Nya
2. Ayat 282 berkaitan hutang (ayat paling panjang dalam al-Quran)
3. Kisah mahkluk yang sudah mati dihidupkan kembali
   - Kisah Nabi Ibrahim as dan 4 ekor burung yang dihidupkan kembali setelah dicincang
4. Amalan Bersedekah
5. Pengharaman riba'

### Ayatul Kursi

Keagungan Ayat kursi
*(terdapat 17 kali pengulangan nama Allah SWT)*

- 1 ayat yang mempunyai **9 sub-ayat**
- 4 sub ayat di hadapan (sub-ayat 1-4) **berkait rapat** dengan 4 sub-ayat di belakang (sub-ayat 6-9).
- Sub-ayat 5 sebagai rumusan keseluruhan sub-ayat

**Ayat 1 & 9:** Allah SWT **memperkenalkan dirinya** dengan menyebut sifat-sifatNya
**Ayat 2 & 8:** Allah SWT **tidak tidur/ mengantuk** maka tiada keberatan bagiNya untuk mentadbir langit & bumi
**Ayat 3 & 7:** Konsep Al-Maalik dan Al-Malik yang menunjukkan Allah SWT ialah **Raja & Pemilik** setiap sesuatu yang ada di langit & di bumi
**Ayat 5:** Tidak ada satu apa pun yang terlepas dari **pandangan & pengetahuan Allah** SWT samada dari depan atau belakang
**Ayat 4-6: Berkuasanya** Allah SWT terhadap segala sesuatu dengan menyatakan tiada siapa yang akan mendapat pertolongan & ilmu kecuali atas izin & kehendakNya

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## [3] Ali Imran Ayat 1-91

### Penamaaan Surah

Disebutkan kisah keluarga 'Imran

*Untuk mendapat **kemulian** seperti keluarga 'Imran hendaklah **berpegang teguh keimanan** kepada Allah & Kitab*

1. Kisah kelahiran Maryam, Nabi Isa a.s. dan Nabi Yahya a.s. (Doa Nabi Zakariya yang memohon zuriat)
2. Kisah Nabi Isa a.s. dengan kaum yang beriman dan yang kafir
3. Rasulullah SAW mengajak utusan kaum Nasrani Najran untuk **mengadakan *mubaahalah*** (kerelaan pihak yang berdusta untuk mendapat laknat Tuhan) mengenai isu Isa adalah Tuhan. Namun begitu, *mubaahalah* ini tidak berlaku kerana Nasrani Najran **menarik diri**
4. **Ayat 63:** Allah SWT mengarahkan Nabi supaya menyeru ahli Kitab agar bersatu dengan islam pada satu kalimah yang sama iaitu tauhid.

Kepentingan berpegang dengan tali Allah

4
Rumah ibadat pertama dibina – Kaabah

2
Pensyariatan Haji

Asal usul makanan yang haram kepada Bani Israil

3
Pengharaman Unta

Sedekah terbaik ialah sedekah barang yang paling kita cintai

1
Contoh kisah: Abu Talhah dan kebun kurma kesayangannya Bairuha’ (kebun kurma yang paling mahal nilainya)

**Ayat 144** — Ayat yang turun dalam perang Uhud (peringatan bahawa setiap jiwa pasti akan merasai mati)

**Ayat 169-171** — Kedudukan para syuhada yang berjuang di jalan Allah.

**Ayat 173** — Dan sejarah Perang Hamra' ul-Asad (selepas Perang Uhud)

**Ayat 190-194** — Kepentingan berfikir mengenai penciptaan langit dan bumi

5 **Kisah Perang Uhud**

**Penamaaan Surah**
Disebutkan kisah keluarga ‘Imran

## [3] Ali Imran
Ayat 92-200

# Juzuk 4

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## [4] An-Nisa’ Perempuan
Ayat 1-23

**Penamaaan Surah**
Banyak hukum-hukum yang berkaitan dengan perempuan

ISU

1. Asal usul keturunan manusia yang berasal dari Adam dan Hawa
2. Hukum hakam berkaitan anak yatim, poligami, faraidh dan mahram perkahwinan

# Juzuk 5

## [4] An-Nisa'

Ayat 24-147

1. Pengharaman mengahwini wanita yang masih menjadi isteri orang lain
2. Larangan memakan harta secara batil
3. Larangan bersikap iri hati dan perintah untuk selalu memohon anugerah kepada Allah
4. Larangan solat ketika mabuk (sebelum arak diharamkan secara tegas)
5. Peranan Syaitan & bentuk godaannya kepada manusia

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## KANDUNGAN LAIN DALAM SURAH AN-NISA' PADA JUZUK INI

- Jihad dan kepentingannya
- Berita balasan neraka dan ganjaran syurga
- Tunaikan amanah kepada yang berhak
- Kepimpinan lelaki atas perempuan
- Cara membalas salam
- Keutamaan orang yang pergi berjihad atas orang yang tidak ikut berjihad

- Balasan atas pembunuhan tak disengaja atau disengajakan
- Adil dalam menegakkan hukum dan menjalankan peradilan
- Sifat-sifat orang munafik & balasan kepada mereka

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## [4] An-Nisa' (Ayat 24-237)

- Hukum faraidh (waris al-kalaalah)
- Memaafkan perbuatan yang tidak baik, & menampakkan amal perbuatan yang baik
- Terdapat banyak hukum-hakam yang berkaitan dengan perempuan
- Kisah Nabi Isa a.s. yang tidak disalib tetapi diangkat naik ke langit

# Juzuk 6

## PENAMAAN SURAH AL-MAIDAH

Turunnya hidangan dari langit kepada bani Israel selepas mereka memintanya dari Nabi Isa a.s. supaya itu menjadi bukti kebenaran kenabian Isa

## [5] Al-Maidah Hidangan (Ayat 1-82)

- Penjelasan tentang hukum-hukum mematuhi peranjian, menikahi wanita ahlul Kitab, makanan-makanan yang halal dan yang haram
- Penjelasan tentang beberapa bab thahaarah seperti wudhu', mandi dan tayammum
- Kisah Nabi Musa a.s dan kaumnya yang melanggar perjanjian untuk memasuki bumi Palestin (menolak untuk berjihad)
- Kisah pembunuhan pertama yang berlaku dalam sejarah manusia (melibatkan dua anak Nabi Adam a.s.)
- Hukuman Hadd Al-Hiraabah (hukuman untuk penceroboh keamanan)
  Hukuman hudud untuk pencuri lelaki dan perempuan
- Celaan Allah SWT kepada Bani Israil kerana mereka tidak mencegah kemungkaran
- Sikap Bani Israil terhadap hukum-hukum dalam kitab Taurat
- Kekuasaan Allah SWT yang agung untuk menggantikan golongan yang murtad dengan golongan yang lebih baik bagi agamaNya.

# JUZUK 7

## [5] Al-Maidah (Hidangan)
Ayat 83-120

1. Hubungan orang-orang Yahudi & Nasrani dengan orang-orang mukmin
2. Teguran Allah SWT kepada orang beriman supaya tidak mengharamkan apa yang telah dihalalkan
3. Pengharaman arak dan judi
4. Ayat 110-111: Penceritaan mengenai mukjizat-mukjizat Nabi Isa a.s.
5. Ayat 112-115: Mukjizat Nabi Isa a.s. kesembilan iaitu turunnya hidangan dari langit kepada Bani Israil sesuai dengan permintaan Hawariyyun

## [6] Al-An'am (Binatang Ternak)
Ayat 1-110

1. Pengetahuan ahli Kitab mengenai Nabi Muhammad SAW, sikap dusta mereka terhadap Allah SWT dan pengingkaran orang-orang musyrik terhadap kemusyrikan mereka di akhirat
2. Ilmu Nabi SAW bersumberkan dari wahyu dan tugasnya adalah memberikan peringatan serta tidak mengusir orang-orang lemah
3. Pengetahuan Allah SWT sangat luas dan hebat. Hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui segala perkara yang ghaib. (ayat 59)
4. Larangan untuk duduk bersama dengan mereka yang mempersendakan al-Quran (ayat 68)
5. Kisah dakwah Nabi Ibrahim SAW (Ayat 74-87)
6. Membuat pendustaan atas nama Allah dan hukuman bagi pelakunya (ayat 93)
7. Larangan mencerca agama lain (ayat 108)

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# JUZUK 8

## [6] Al-An'am
### Ayat 111-165

1. Amaran kepada kafir Quraisy yang terus menerus menyerang & menidakkan bimbingan Nabi Muhammad SAW

2. Allah SWT merakamkan bahawa jalan yang lurus hanyalah dengan berpandukan al-Quran dan berhentilah memberi alasan

3. Rumusan & motivasi kepada Rasulullah SAW agar jangan takut dan gentar walaupun tentangan datang tanpa henti

4. Paling banyak terdapat kalimah *Qul Huwa* "قل هو" (Katakan Dialah Allah Yang...)

## [7] Al-A'raf
### (Tempat Tertinggi)
### Ayat 1-87

**Penamaan Surah**

[Ayat 46-47]
Kisah sebilangan lelaki yang berada di antara Syurga & Neraka

1. **Ayat 1-10:** Peringatan agar kembali beriman kepada Allah SWT & mengenang akibat buruk yang menimpa orang-orang terdahulu

2. **Ayat 11-25:** Kesungguhan Iblis menyesatkan Nabi Adam & Hawa r.ha. Allah SWT menyedarkan kita bahawa Iblis adalah musuh nyata

3. **Ayat 26-53:** Allah menceri -takan pertembungan antara golongan yang patuh dan golongan yang ingkar akan sentiasa berlaku hingga hari akhirat

4. **Ayat 54-58:** Wahyu Allah SWT diibaratkan seperti air yang menghidupkan tanah yang tandus

5. **Ayat seterusnya:** Allah SWT memaparkan kemusnahan kaum terdahulu

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# [7] Al-A'raf
## (Tempat Tertinggi)
## Ayat 88-206

1. Surah Makiyyah yang terpanjang dalam al-Quran dan pertama sekali disusun mengikut tertib susunan al-Quran
2. Sarat dengan cerita mengenai ujian yang diterima oleh para nabi untuk memberi semangat & kekuatan kepada Baginda SAW sepanjang berdakwah
3. Surah paling panjang menceritakan tentang peristiwa Nabi Musa AS (diuji sejak diutuskan kepada Firaun)
4. Dalam juzuk ini, Surah al-A'raf bermula dengan kisah kaum Nabi Syuaib AS yang dimusnahkan oleh Allah SWT

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

**Ayat Pilihan:** (Ayat 172)
Perjanjian di alam roh yang mengandungi pengakuan setiap anak Adam bahawa Allah adalah Tuhan dan Penguasa dan tiada Tuhan selain Allah.

# JUZUK 9

### Penamaan Surah
Orang Muslim banyak bertanya soal harta rampasan perang. Surah ini sebagai satu penegasan bahawa harta bukan matlamat peperangan

# [8] Al-Anfal
## (Harta Rampasan Perang)
## Ayat 1-40

- Menceritakan tentang al-Anfal (harta rampasan perang)
- Surah Makiyyah yang diturunkan di Madinah selepas Perang Badar
- Menceritakan dengan terperinci peristiwa Perang Badar
- Allah mengingatkan bahawa niat berperang adalah untuk Allah SWT & rasulNya, bukan kerana habuan dunia.
- Surah motivasi untuk para pejuang Islam di medan jihad sepanjang zaman kerana surah ini menekankan faktor kerohanian dan kedalaman iman sebagai faktor utama kemenangan.

1. Memaparkan **kemenangan** Rasulullah SAW ke atas para penyembah berhala.
2. Membicarakan secara terperinci mengenai **Perang Badar** (pada 17 Ramadhan)
3. Syaitan datang kepada golongan musyrik dan menyamar sebagai **Suraqah bin Malik** memberi bantuan ketenteraan. Namun akhirnya syaitan berlepas diri dari tentera musyrik ketika krisis perang berlaku (Ayat 47-49)
4. Tuntutan untuk **mempersiapkan diri** memerangi musuh sesuai dengan kemampuan

Allah SWT menjelaskan kepada Nabi SAW **syarat mengambil para tawanan, menerima tebusan dari mereka dan kebolehan memanfaatkan mereka**:
- Abu Bakar memberikan cadangan bahawa para tawanan ini **dilepaskan**
- Umar al-Khattab pula mencadangkan agar para tawanan **dibunuh**. Nabi SAW bersikap lemah lembut dengan menerima pandangan Abu Bakar r.a, namun pilihan Nabi SAW ini **tidak tepat** pada ketika itu lalu Allah menjelaskan kepada Nabi SAW melalui ayat 67-71

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# Juzuk 10

## 1 Al-Anfal
Ayat 41-75

## 2 At-Taubah
Ayat 1-93

### Mengapa Tidak Dimulakan Dengan Basmallah?

- Basmallah mengandungi makna aman, sementara surah ini turun menjelaskan tentang **perang dan pelanggaran perjanjian** & tiada rasa aman di dalamnya

**Ayat 75-90 : Tembelang orang munafik.**
1. **Ayat 75-78:** Kedustaan orang munafik, pelanggaran mereka terhadap janji dan persepakatan, serta kisah palsu Tha'labah bin Hathib
2. **Ayat 81-82:** Orang munafik beralasan untuk tidak turut serta dalam perang Tabuk.
3. **Ayat 83-85:** Kematian Abdullah bin Ubay dan larangan solat ke atas mereka

1. Surah yang tidak bermula dengan Basmallah.
2. Memaparkan perang terakhir dalam hidup Nabi SAW
3. Turun selepas pembukaan kota Makkah & menjelang peperangan Tabuk (Tahun ke-9 Hijrah).
4. Ayat 60 menyebut tentang lapan golongan yang layak menerima zakat
5. Di akhir surah ini, Allah memuji golongan yang ingin berjihad padahal mereka tidak berupaya

# Juzuk 11

## At-Taubah
### Ayat 94-129

**Kepentingan bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya**

1. Kisah tiga orang yang tidak mengikuti Perang Tabuk dan taubat mereka.
2. Konsisten bertaubat walaupun berulang kali melakukan kesalahan.

**Kisah pembinaan Masjid Dhirar yang tidak dibina untuk tujuan sepatutnya**

1. Masjid ini dibangunkan oleh 12 orang munafik, bertujuan untuk memecah-belahkan orang beriman.
2. Sepulangan dari Perang Tabuk, Nabi SAW mendapat berita ini, lalu memerintahkan para sahabat untuk membakar masjid ini.

## Hud
### Ayat 1-5

**Permulaan surah ini mengkonklusikan kembali point utama yang disebutkan dalam surah at-Taubah & Yunus:**

1. Kepentingan bertaubat kepada Allah (ayat 1-4)
2. Sifat-sifat orang munafik (ayat 5)

## Yunus
### Ayat 1-109

**Mengandungi maksud & tujuan al-Quran diturunkan (ayat 57-58)**

**Penyembahan berhala & dogma syafaatnya (ayat 18)**

- Kisah Nabi Yunus AS, satu-satunya kaum yang diutuskan Rasul yang beriman sebelum kedatangan azab
- Mengandungi 2 kisah nabi, iaitu Nabi Musa & Nabi Nuh (Allah SWT menegaskan bahawa nabi perlu berpegang teguh dengan pendirian semasa menyampaikan dakwah dan tidak terpengaruh dengan orang lain).

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

# Juzuk 12

## [11] Hud
**Ayat 6-123**

1. Allah SWT menyebut mengenai kepentingan beribadah kepadaNya di permulaan surah (ayat 2) dan di bahagian akhir surah (ayat 123)

2. Rasullah SAW meninggalkan wasiat melalui firman Allah SWT: iaitu:
   + Istiqamah
   + Tidak melampaui batas
   + Sentiasa menjaga solat
   + Sabar

### PENAMAAN SURAH

Dinamakan surah Hud kerana terdapat 5 kali pengulangan perkataan 'Hud'

## [12] Yusuf
**Ayat 1-52**

1. Kisah Nabi Yusuf AS tidak berulang dalam mana-mana surah lain.

2. Allah SWT menyebutkan kisah Nabi Yusuf sebagai *Ahsanal Qasas* (Sebaik-baik kisah)

3. Di penghujung surah, Allah SWT merakamkan bahawa terdapat pengajaran yang dapat diperoleh daripada kisah yang diceritakan bagi mereka yang sentiasa berfikir.

### PENAMAAN SURAH

Dinamakan surah Yusuf kerana surah ini mengisahkan secara keseluruhan tentang kisah Nabi Yusuf AS

## PERKAITAN

| | | |
|---|---|---|
| Kisah Nabi Ibrahim AS | ≠ | Kisah Cucu Nabi Ibrahim AS |
| Kisah Nabi Nuh & Anaknya | ≠ | Kisah Nabi Yaakub AS & Anaknya |

**Kedua-dua surah membicarakan tentang solusi kehidupan: -**
1. Bersabar dengan setiap ujian yang diberikan
2. Bergantung harap kepada Allah SWT

# JUZUK 13

## [12] Yusuf
Ayat 53-111

1. Bermula dengan mimpi Nabi Yusuf AS
2. Turun ketika Nabi SAW berhadapan dengan ujian yang getir
3. Memotivasikan Nabi SAW melalui kisah yang dihadapi oleh Nabi Yusuf AS
4. Disebutkan sebagai "Kisah Terbaik" kerana pengakhiran setiap kisah adalah yang terbaik
5. Pengajaran kesabaran:
   - Nabi Yaakub yang berpisah dengan anak kesayangannya
   - Nabi Yusuf AS yang dibuang oleh ahli keluarganya sendiri, dihumban ke dalam penjara dan ketika menghadapi godaan wanita

## [13] Ar-Ra'd
Ayat 1-43

1. Berbicara mengenai bagaimana kita melihat kuasa Allah SWT.
2. Bermula dan berakhir dengan kisah orang-orang yang tidak beriman
3. Allah SWT menyebutkan bahawa dengan mengingatinya, hati menjadi tenang. (Ayat 28)
4. Allah SWT merakamkan kepentingan menguasai bahasa Arab untuk memahami al-Quran. (Ayat 37).

**TEMA SURAH:**

- **Kuatnya sebuah kebenaran & lemahnya kebatilan**

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## [14] Ibrahim
Ayat 1-52

- Bermula & berakhir dengan ayat berkaitan al-Quran
- Menyebutkan hikmah al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab
- Terdapat doa-doa yang boleh diamalkan dalam kehidupan

1. Merumuskan pertembungan kaum pendusta & para rasul sepanjang zaman
2. Surah Makiyyah yang turun ketika fasaRasulullah SAW menghadapi tekanan fizikal & boikot tahap maksimum.
3. Memaparkan kisah Nabi Luth as, Syuaib as, dan Soleh as. sebagai motivasi buat Rasulullah SAW yang kelihatan begitu letih melayan kerenah Quraisy yang semakin mencabar baginda.

# JUZUK 14

## 1 Al-Hijr
### Ayat 1-99

**Perjalanan Surah**

- Allah SWT merakamkan keagungan al-Quran
- Quraisy beralasan enggan menerima dakwah Nabi SAW lalu Allah menegur
- Al-Quran akan sentiasa terpelihara sehingga hari kiamat. Allah SWT merakamkan kedegilan mereka meskipun telah menyaksikan mukjizat
- Iblis akan sentiasa mengganggu manusia namun Allah SWT beri jaminan bahawa Dia akan menjaga orang beriman kepadaNya
- Kisah-kisah lain:
  - Kisah Luth AS
  - Kisah Soleh AS
  - Kisah Syuaib AS
  - Kisah Ashab al-Aikah
  - Kisah Ashab al-Hijr

## 2 An-Nahl
### Ayat 1-128



Makna nama surah ialah **Lebah**

**Perjalanan Surah**

- Allah SWT memberi amaran tentang bahaya syirik
- Allah SWT menegur sikap manusia yang suka menyalahkan takdir
- Allah SWT menceritakan hal ehwal azab (mengapa ditangguhkan azab & ancaman yang disediakan buat mereka yang kufur)
- Allah SWT menggesa Rasulullah SAW agar bertenang & meneruskan dakwah dengan kaedah yang terbaik biarpun terlalu banyak karenah Quraisy yang perlu dihadapi, sekiranya mereka masih kufur, maka mereka akan diazab.

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

1. Secara keseluruhannya, Allah SWT memberitahu bahawa Dialah yang menguruskan perjalanan alam dan yang menundukkan alam ini untuk memberi manfaat kepada manusi, namun mengapa manusia masih lagi kufur kepadaNya?
2. Surah ini bermula dengan cabaran Quraisy kepada Rasulullah SAW agar menurunkan azab keatas mereka.

# Al-Isra'

Ayat 1-111

1. **Ayat 1-3:** Peristiwa Isra' & penurunan Taurat kepada Nabi Musa AS.
   **Ayat 4-8:** Sikap Bani Israel.
2. **Ayat 18-21:** Balasan bagi mereka yang hanya memikirkan dunia sahaja
3. **Ayat 22-30:** Hubungan dengan Allah SWT & sesama manusia
   **Ayat 31-39:** Sistem kehidupan yang tersusun
4. **Ayat 61-61:** Kisah Nabi Adam AS & Iblis
   **Ayat 101:** 9 Mukjizat Nabi Musa AS
5. **Ayat 78:** Perintah mendirikan solat
   **Ayat 110-111:** Tuntutan berdoa dengan nama-nama Allah SWT

- Surah Makiyyah
- Bermula dengan tasbih & merupakan gambaran Kitab Taurat
- Nabi SAW diperjalankan dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj
- Membicaraakan tentang:
  Pengukuhan akidah, kenabian, menjawab sangkaan yang tidak baik terhadap Islam & cara hidup bersyariat

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# Juzuk 15

Surah al-Isra' & al-Kahfi mengandungi persamaan dari sudut tujuannya:
- menjawab 3 persoalan kaum musyrikin.
  a. Tentang ruh
  b. Lelaki yang menguasai dunia
  c. Sekumpulan lelaki yang tidur lama di dalam gua

# Al-Kahfi

Ayat 1-74

- Surah Makiyyah
- Bermula dengan tahmid
- Bertemakan pengukuhan kepercayaan Kepada Allah SWT
- Memaparkan kisah: -

1. Ashabul Kahfi (Ayat 9-26)
2. Pemilik Dua Kebun (Ayat 32-44)
3. Kisah Nabi Musa & Nabi Khidir (Ayat 60-74 & Ayat 75-82: Juzuk 12)
4. Kisah DzulQarnain & Ya'juj Ma'juj (Ayat 83-99: Juzuk 12)

# Juzuk 16

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## (18) Surah al-Kahfi
Ayat 75-110

- **Ayat 75-82** menceritakan kisah **Nabi Musa bersama Khidir.**
- Ayat 83-99 menceritakan kisah Zulqarnain yang ikhlas menyebarkan keadilan tanpa menunggu imbalan atau balasan dari orang-orang.
- Salah satu kewajiban raja/penguasa adalah melindungi rakyat dengan melindungi tempat tinggal mereka, menjaga tempat-tempat yang dapat dilalui musuh, juga harta rakyat. dengan 3 syarat:
  1) Tidak menguasai sedikit pun darinya
  2) Membantu terlebih dahulu orang yang memerlukan
  3) Menyamakan pemberian kepada mereka sesuai dengan kedudukan masing-masing

## (19) Surah Maryam
Ayat 1-98

- **Perjalanan hidup Maryam** yang diberikan rahmat oleh Allah SWT dengan **kelahiran seorang nabi** yang terakhir oleh **Bani Israel**, iaitu **Nabi Isa a.s.** yang akan **membantu umat akhir zaman** untuk **menegakkan pemerintahan Islam** di seluruh dunia
- Antara perkara yang akan ditemui dalam surah ini ialah **pembentukan keluarga** yang berteraskan **pendidikan agama**
- **Kisah-kisah** dalam Surah Maryam:
  - ✓ Kisah **Nabi Zakaria a.s.** & anaknya **Nabi Yahya a.s.**
  - ✓ Kisah **Maryam** & anaknya **Nabi Isa a.s.**
  - ✓ Kisah **Nabi Ibrahim a.s.** berdakwah kepada **ayah** yang **menyembah berhala**
  - ✓ Kisah **Nabi Ismail a.s.** yang membangunkan **institusi keluarga** berteraskan **solat & zakat**
  - ✓ Kisah **Nabi Idris a.s.** yang diangkat **naik ke langit**

## (20) Surah Taha
Ayat 1-135

- Tema penting: Membina kedamaian **jiwa** dengan **al-Quran**
- Memaparkan **kisah Nabi Musa a.s.** dengan panjang lebar
- Surah ini ada kaitan dengan:
  - ✓ Kisah **Umar al-Khattab** yang **memeluk Islam**
  - ✓ Kisah **Nabi Musa** diberi peluang untuk mendengar **kalam Allah SWT** di **Lembah Thuwa**
- Surah Taha **berakhir** dengan Kisah **Nabi Adam a.s** yang diberikan **pesan oleh Allah SWT** agar **tidak terpedaya** dengan **iblis** laknatullah sehingga menyebabkan **keluarnya** Nabi Adam **dari**

**Penamaan Surah:**
Banyak menghimpunkan kisah-kisah para nabi di dalam surah ini.

1. Surah Makiyyah yang turun pada fasa ke 3
2. Menjawab satu persatu tuduhan Quraisy mengenai tauhid dan hari akhirat.

- Antara nabi-nabi yang diceritakan dalam surah ini ialah:
  - Musa AS
  - Ibrahim AS
  - Luth AS
  - Nuh AS
  - Daud AS & Sulaiman AS
  - Ayyub AS
  - Ismail AS, Idris AS, & Zulkifli AS
  - Yunus AS
  - Zakariya AS & Yahya AS

Surah al-Anbiya' mengenai umat terdahulu manakala Surah al-Hajj mengenai umat sekarang

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

**Al-Anbiya'**
Ayat 1-112

# Juzuk 17

**Al-Hajj**
Ayat 1-78

Surah al-Anbiya' berakhir dengan gambaran kiamat dan dekatnya janji Tuhan itu berlaku, maka surah al-Hajj bermula dengan melengkapkan gambaran kiamat.

- Surah yang unik kerana satu-satunya surah yang turun dalam pelbagai keadaan dan waktu, di Madinah dan di Mekkah, kettika damai dan ketika perang, malam hari dan siang hari, di dalamnya terdapat ayat muhkamat dan mutasyabihat.

**Penamaan Surah:**
Nama surah disebut dalam ayat 27. Perintah kepada Nabi Ibrahim itulah yang menyebabkan beginda berjuang lebih 20 tahun untuk membersihkan Beitullah.

1. Mengandungi tarbiyah musim haji.
2. Menjawab satu persatu tuduhan Quraisy mengenai tauhid dan hari akhirat.

# Juzuk 18

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## (23) Surah al-Mu'minun
Ayat 1-118

- Tema: **Perbezaan** antara ciri-ciri orang yang **beriman** & **kesudahan** bagi mereka yang **kafir**
- Dinamakan mukminun kerana di dalamnya dinyatakan **sifat- sifat orang beriman** dan **ganjaran** yang menanti **mereka apabila beramal**
- Di **permulaan** surah: Cerita mengenai mereka yang **berjaya** (**orang beriman**)
- Di **penghujung** surah: Cerita mengenai mereka yang **tidak berjaya** (orang yang **tidak beriman**)
- Surah ini juga menyebut bagaimana untuk **mengenal hati yang baik** & **amalan yang dilakukan** adalah **ikhlas**; iaitu apabila mendengar a**yat Allah SWT**, **hati menjadi gentar** dan terus **melaksanakan perintahNya** serta **meninggal-kan larangan**

## (24) Surah an-Nur
Ayat 1-64

- Dinamakan an-Nur kerana menyebut tentang **cahaya Ilahi** (Wahyu Allah: al-Quran & as-Sunnah)
- Banyak berkisar tentang **nilai, pergaulan & akhlak**
- Terdapat kisah **kesucian Saidatina Aisyah r.a**
- Menjelaskan bagaimana untuk **melindungi masyarakat** daripada melakukan **perkara yang buruk**
  - ✓ Peringatan untuk **tidak** mudah **menyebarkan perkara yang buruk**
  - ✓ Peringatan untuk **tidak** mengikuti **jejak langkah syaitan**
  - ✓ **Perbaiki solat** dan **mengimarahkan rumah Allah SWT**
- 3 kewajipan apabila **tersebarnya keburukan**; 1)**Bersangka baik** 2)**Dapatkan bukti** 3)**Tidak tergesa-gesa**
- **Menjaga kemaluan** dengan cara: **jaga mata, telinga, mulut, tangan & hati**

## (25) Surah al-Furqan
Ayat 1-20

- Tema: Al-Quran sebagai **pemisah** antara yang **haq** dan yang **batil**
- **Bermula** dengan cerita **orang musyrikin** dan **ditutup** dengan kisah **orang** yang **bertaqwa**

Juzuk 19

## (25) Surah al-Furqan
Ayat 21-77

- Menjawab **keraguan & bantahan** mereka yang **tidak beriman terhadap al-Quran**
- Surah ini ialah **amaran & peringatan** keras azab Allah SWT bagi mereka yang **menolak kebenaran**

## (26) Surah asy-Syu'ara
Ayat 1-227

- Dinamakan dengan nama sebuah industri hiburan pada **zaman Rasulullah SAW** iaitu **kepenyairan**
- **Penyair** ketika itu merupakan golongan yang **berpengaruh** kerana mampu **memukau bangsa Arab** dengan pidato mereka
- Allah SWT membenamkan **kebatilan syair** dengan **kemukjizatan al-Quran** yang diturunkan dalam bahasa syair itu sendiri iaitu **bahasa Arab**
- Surah yang menekankan kepentingan **komunikasi** dan **seni dialog** yang memberi kesan sebagai **dakwah yang efektif**

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## (27) Surah an-Naml
Ayat 1-55

- Al-Quran adalah **rahmat & petunjuk** bagi orang-orang **mukmin**; bukan semata-mata **arahan daripada Allah SWT**

# JUZUK 20

## (27) Surah an-Naml
*(Semut)*

Memaparkan lanjutan dari kisah Nabi Luth, dalil-dalil keesaan & kekusaan Allah, pengingkaran orang-orang musyrik terhadap hari kebangkitan & pembuktian kenabian Nabi Muhammad dengan al-Quran

Mengandungi sebahagian tanda-tanda hari Kiamat iaitu keluarnya binatang melata dari bumi & pengumpulan orang-orang yang mendustakan Allah & para Rasul di hadapan Allah

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## (28) Surah al-Qasas
*(Cerita-cerita)*

Memaparkan kisah Nabi Musa yang dibuang ke laut sejak kelahirannya, keluarnya baginda dari Mesir ke Madyan, pernikahnnya dengan anak nabi Syua'ib dan kembalinya Musa ke Mesir (KIsah Nabi Musa sebagai motivasi khas buat Nabi Muhammad bahawa baginda juga akan kembali ke Makkah)

Memaparkan kenabian Harun & pendustaan Fira'un serta pendustaan penduduk Makkah terhadap al-Quran & risalah nabi Muhammad , serta mengandungi kisah Qarun

## (29) Surah al-Ankabut
*(Labah-labah)*

Menjelaskan mengenai ujian orang mukmin & balasan kepada mereka

Memaparkan kisah mengenai ujian para nabi yang lebih berat seperti kisah Nabi Nuh, Ibrahim, Luth, Syu'aib, Hud, Soleh, Musa dan Harun

Allah menyerupakan keadaan para penyembah berhala dengan keadanan labah-labah yang membuat sarang paling lemah

# Juzuk 21

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## Surah Al-Rum *(Bangsa Romawi)*

*Penamaan surah:*
Berita kekalahan & kemenangan yang akan diraih oleh Romawi

-Penegasan terhadap kebenaran risalah kenabian & al-Quran sebagai kalam Allah (Hanya Allah yang mengetahui hal ghaib)
-Memaparkan beberapa bukti keesaan Allah
-Seruan untuk sentiasa bertasbih menyucikan Allah
-Mengandungi perintah bersabar dan yakin dengan janji Allah

## Surah Luqman

*Penamaan surah:*
Kisah wasiat Luqman al-Hakim yang penuh hikmah

-Memaparkan keterangan yang menegaskan mukjizat Nabi Muhammad iaitu al-Quran
-Memaparkan bukti-bukti yang ada pada penciptaan alam semesta yang menunjukkan keesaan Allah
-Wasiat Luqman al-Hakim kepada anaknya merangkumi beberapa aspek iaitu akidah, ibadah & hidup bermasyarakat
-Adanya perintah untuk mentaati kedua ibu bapa
-Tempoh penyusuan bagi seoarang bayi dengan ibunya ialah 2 tahun

## Surah Al-Sajdah *(Sujud)*

*Penamaan surah:*
orang-orang mukmin yang bersujud & bertasbih kepada Allah

-Dibuka dengan pengukuhan al-Quran sebagai Kitabullah
-Mengandungi bukti-bukti keesaan Allah dan kuasaNya melalui penciptaan langit & bumi dan proses kejadian manusia
-Memaparkan keadaan orang kafir dan orang mukmin pada hari kiamat dan balasan kepada mereka
-Menunjukkan hubungan antara Taurat & al-Quran

## Surah Al-Ahzab *(Golongan yang bersekutu)*

*Penamaan surah:*
Mengandungi kisah perang Khandaq (atau al-Ahzab)

-Mengandungi adab, etika sosial & hukum syariat seperti hukum zihar, kedudukan anak angkat, pensyari'atan hak waris, kedudukan isteri-isteri Rasulullah, kewajipan hijab & larangan tabarruj
-Kisah perang Khandaq & Bani Quraizhah

# Juzuk 22

## Surah al-Ahzab
(Ayat 31-73)

- Allah SWT menjawab **keraguan** para sahabat mengenai **perkahwinan Rasulullah SAW & Zainab r.a.**
- **Ayat 49** menyebut tentang **hukum talak**
- Perintah kepada **para sahabat** untuk menjauhi sikap **orang munafik & kafir**
- Perintah Allah SWT kepada **isteri-isteri** Rasulullah SAW untuk **memelihara syariat**

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## Surah Saba'
(Ayat 1-54)

- Menjawab **dakwaan Quraisy** yang mendustakan **Rasulullah SAW & Hari Kiamat**
- Mengajar manusia bahawa **segala rezeki** yang diperolehi adalah **kepunyaan Allah SWT**
- Negeri Saba' diberi **rezeki kemewahan** namun **kembali syirik** selepas era **Nabi Sulaiman & Malikatus Saba'** lalu dimusnahkan Allah
- Memaparkan **kisah tindak balas** dua jenis kelompok manusia terhadap **kemewahan yang Allah berikan.**

## Surah Fatir
(Ayat 1-45)

- **Nama surah** disebut dalam **ayat 1**; mengenai **ciptaan Allah yang kreatif** (tidak pernah sama dengan apa yang diciptakan sebelumnya)
- Menegaskan **segala konspirasi** yang dilancarkan oleh **musyrikin Quraisy** untuk menghentikan **dakwah Rasulullah SAW** hanya akan mendatangkan **keburukan kepada diri mereka sendiri**
- Allah SWT membina semula **semangat** Rasulullah SAW untuk **bersabar dan terus berdakwah**

## Surah Yassin
(Ayat 1-27)

- Memaparkan **keagungan al-Quran**
- **3 jenis arah petunjuk** yang akan sampai kepada manusia; **atas** (simbolik ketinggian wahyu), **belakang** (simbolik sejarah) & **depan** (simbolik alam)
- Kisah **3 orang Rasul** yang berdakwah kepada **Ashabul Qaryah** tetapi ditolak kemudian datangnya **seorang lelaki dari hujung kota** yang membenarkan imannya & berdakwah kepada Ashabul Qaryah namun akhirnya beliau **mati syahid**

# Juzuk 23

## (36) Surah Yassin
Ayat 28-83

- Memberikan motivasi kepada para sahabat untuk melakukan dakwah bersama Rasulullah SAW
- Keseluruhan surah ini memaparkan perjuangan dakwah untuk menyelamatkan mereka yang belum mentauhidkan Allah agar Allah hidupkan hati mereka dengan iman
- Ayat 20: Gesaan Allah SWT kepada para sahabat untuk turut memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah
- Hanya Allah SWT yang mampu menghidupkan hati atau sesuatu yang mati

## (37) Surah al-Saffat
Ayat 1-182

- Nama surah ini disebut dalam ayat 1 (malaikat berbaris-baris bersiap menunggu perintah Allah SWT)
- Surah pertama menurut turutan mushaf yang bermula dengan sumpah Allah SWT terhadap makhluk yang taat setia tanpa berbelah bagi
- Memaparkan barisan para "muhsinun" (ikhlas) yang setia dan ikhlas dalam berjuang memelihara dan menyampaikan berita ghaib kepada manusia
- Bertemakan ketaatan mutlak kepada Allah SWT
- Kisah Nabi Ibrahim a.s. yang berdakwah kepada ayahnya
- Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s.
- Teguran Allah SWT kepada Nabi Yunus yang meninggalkan kaumnya

## (38) Surah Sad
Ayat 1-88

- Pembongkaran Allah SWT mengenai punca-punca kaum kafir menolak dakwah para anbiya' dan para sahabat; iaitu mereka berbangga dengan kemuliaan yang diperolehi dan
- Teladani Nabi Daud a.s. & Nabi Sulaiman a.s yang diberikan kekuasaan lebih hebat namun mereka sentiasa kembali (sujud) kepada Allah SWT dengan setiap nikmat yang diberikan. Nabi

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

# JUZUK 24

## Surah Al-Zumar

(Rombongan-rombongan)

- Berkisar prinsip ketauhidan
- Permulaan surang bercerita tentang sifat-sifat & bukti kekuasaan Allah
- Diakhiri dengan gambaran balasan kepada orang beriman & orang yang kafir
- Allah membuka pintu pengharapan bagi orang yang melampaui batas & menjanjikan ampunan atas dosa-dosa jika mereka bertaubat

*Ayat 03: Jangan syirik*
*Ayat 08: Sifat manusia yang hanya mencari Allah ketika susah*
*Ayat 09: Galakan Qiyamullail*
*Ayat 18: Sifat orang yang mendapat hidayah*

## Surah Ghafir

(Yang Maha Pengampun)

- Dinamakan Ghafir kerana menyebut sifat Allah iaitu Yang Maha Pengampun
- Juga dinamakan sebagai surah al-Mu'min
- Mengandungi kisah seorang mukmin dari kerabat Firaun & pembelaannya terhadap Nabi Musa
- Pengakhiran surah mengajar manusia untuk menyesal sekiranya tidak bertaubat
- Surah ini menggalakkan manusia utuk mengkaji sejarah untuk membuka minda & hati

*Ayat 60: Banyakkan berdoa & memohona petunjuk Allah apabila berdakwah*

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## Surah Fussilat

(Yang Dijelaskan)

- Nama diambil dari Ayat 3: Allah memilih bahasa arab sebagai bahasa al-Quran untuk menjelaskan ilmuNya
- Mengandungi seruan untuk menyampaikan dakwah dari hati
- Memaparkan balasan azab orang-orang yang kafir
- Diakhiri dengan ketegasan kebenaran al-Quran

*Ayat 9-12: Peringkat penciptaan alam*
*Ayat 18: Kisah kaum 'Ad & Thamud*
*Ayat 30: Kelebihan orang yang istiqamah dalam iman*
*Ayat 34-36: Cara hindari kejahatan manusia & syaitan*

# Juzuk 25

## 1 SURAH AL-SYURA

- Tema: **Kesatuan ummat** yang boleh dicapai melalui **syura**
- Diberi nama sempena peristiwa **Baiah (Perjanjian) al-Aqabah** yang berlaku pada **tahun ke-9 kenabian**
- Menghimpunkan kesemua nama **5 orang Rasul Ulul Azmi**: Nuh, Ibrahim, Musa, Isa & Muhammad SAW
- **Bermula dan berakhir** dengan pemberitahuan tentang **wahyu Allah SWT**
- Antara topik yang dibincangkan dalam surah ini:
  - Penceritaan tentang besarnya **kedudukan Mekah**
  - Sifat **zalim** penyebab **perpecahan**
  - Kepentingan **menyucikan niat**
  - **Bala** turun disebabkan **maksiat**
  - **Sifat** yang perlu ada pada **umat Islam**
  - Istighfar **malaikat**

## 2 SURAH AL-ZUKHRUF

- Tema: **Peringatan** kepada manusia mengenai **fitnah dunia** & **perhiasan** yang ada di dalamnya
- Dinamakan bersempena **ayat 35**
- Menceritakan tentang **keimanan kepada Allah SWT** yang merupakan **pencipta** (disebutkan di awal surah) & **pemilik alam semesta** (disebutkan di penghujung surah)
- Ayat 67: Allah SWT merakamkan **perbezaan** antara **cinta dunia** & **cinta kepada Allah SWT**. Cinta dunia akan berakhir apabila matinya orang yang dicintai tetapi cinta kepada Allah kekal abadi

تدبر HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## 3 SURAH AL-DUKHAN

- Tema: **Peringatan** kepada manusia supaya tidak tertipu dengan **kuasa yang ada**
- Peringatan dan **ancaman keras** kepada mereka yang **menolak rahmat wahyu dari Allah SWT**
- Bermula dan berakhir dengan penceritaan tentang **al-Quran sebagai peringatan**
- Turun **selepas peristiwa kemarau yang dahsyat di Mekah** yang terjadi seperti yang di doakan **Rasulullah SAW** agar ia boleh menyebabkan **Quraisy** percaya bahawa baginda adalah **nabi utusan Allah** dan supaya mereka gerun lalu **kembali kepada Allah SWT**

## 4 SURAH AL-JATHIYAH

- Tema: Peringatan kepada manusia supaya tidak **takabbur, bongkak, meninggi diri** apabila mempunyai kedudukan & tidak mengikut **hawa nafsu**
- Dinamakan al-Jathiyah kerana semua **manusia** akan **melutut dihadapan Allah** SWT pada **Hari Akhirat** kelak
- **Ayat 23**: Allah SWT merakamkan bahawa **kesilapan/ kesesatan** yang dilihat pada seorang yang **'alim** adalah merupakan **hukuman** buat mereka kerana tidak mengamalkan **ilmu** yang mereka perolehi kerana mengikut **hawa nafsu**

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# JUZUK 26

## 46 Surah Al-Ahqaf *(Bukit-bukit pasir)*

-Dinamakan bersempena tempat tinggal kaum Ad di Yaman yang dibinasakan Allah
-Penegasan kewujudan Allah & keesaanNya
-Memaparkan peristiwa hari Kiamat & bantahan terhadap penyembah berhala
-Menyebutkan sifat-sifat penghuni Syurga & Neraka
-Mengandungi kisah Nabi Hud a.s. dan kaum Ad

## 47 Surah Muhammad

-Dinamakan Muhammad kerana terdapat keterangan tentang diturunkan Al-Quran kepada Nabi SAW
-Bertemakan jihad di jalan Allah SWT
-Mengandungi hukum mengenai peperangan
-Perbezaan antara kaum mukmin & kafir
-Penjelasan keadaan kaum munafik & kaum murtad serta janji & ancaman yang ditujukan kepada mereka

## 48 Surah Al-Fath *(Kemenangan)*

-Pembukaan ayat mengandungi berita gembira tentang kemenangan yang nyata
-Turun pada waktu malam di antara Mekah & Madinah setelah baginda bertolak dari Hudaibiyah
-Memaparkan kesan Perjanjian Hudaibiyah pada orang mukmin, munafik & musyrik
-Allah SWT merakamkan kisah pembukaan kota Mekah

## 49 Surah Al-Hujurat *(Kamar-kamar)*

-Menekankan kepentingan berakhlak dengan akhlak mulia
-Asas adab ialah: mentaati Allah SWT, menghormati Rasulullah SAW, memastikan sesuatu khabar berita yang diterima adalah benar, tidak merendahkan orang lain, tidak mencari keburukan orang lain, tidak ghibah dan berburuk sangka

## 50 Surah Qaf

-Memaparkan kisah-kisah kaum terdahulu sebagai pedoman contohnya kisah kaum Nuh, Tsamud, Ad, Firaun, kaum Luth, Ashabul Al-Aikah, kaum Syuaib, & kaum Tubba
-Membahaskan tentang tanggungjawab manusia & kewujudan 2 malaikat yang sentiasa menemani setiap manusia untuk mencatat segala amal

## 51 Surah Al-Dzariyat *(Angin yang menerbangkan)*

-Sifat orang bertaqwa dan balasan untuk mereka
-Mengandungi kisah tetamu Nabi Ibrahim & tugas mereka untuk membinasakan kaum Nabi Luth
-Memaparkan Kisah para nabi dan kaum mereka
-Penegasan & pembuktian tentang keesaan Allah dan keagungan kuasaNya
-Mengandungi ancaman untuk orang musyrik

# JUZUK 27

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

**Surah Al-Tur** *(Gunung)*

**52**

-Allah bersumpah dengan bukit Al-Tur (tempat Allah berkomunikasi dengan Nabi Musa & penerimaan Taurat)
-Menyebutkan tentang hari kiamat dan balasan kepada mereka yang beriman dan yang kufur
-Motivasi Allah kepada Nabi agar tetap berdakwah & bertenang menghadapi cabaran dari orang-orang musyrik

**Surah Al-Najm** *(Bintang)*

**53**

-Allah bersumpah dengan bintang sebagai simbolik ketinggian al-Quran yang diturunkan dari langit
-Memaparkan penegasan tentang kenabian & fenomena wahyu, larangan mempesekutukan Allah, kecaman & cercaan Allah terhadap orang musyrik & balasan syurga & neraka
-Mengandungi iktibar dari kisah-kisah kaum terdahulu

**Surah Al-Qamar** *(Bulan)*

**54**

-Dibuka dengan ayat mengandungi maklumat tentang terbelahnya bulan sebagai mukjizat Nabi Muhammad yang menandakan hari Kiamat sudah semakin hampir
-Allah memberi peringatan dengan memaparkan kisah kaum terdahulu seperti kaum Nabi Nuh, kaum 'Ad, kaum Tsamud, kaum Nabi Luth & kaum Fira'un sebagai iktibar

**Surah Al-Rahman** *(Yang Maha Pemurah)*

**55**

-Terdapat 31 kali pengulangan ayat yang sama
-Allah berulang kali menyebut pelbagai nikmatNya & nikmat terbesar ialah nikmat agama ,wahyu & penurunan al-Quran
-Penjelasan mengenai penciptaan manusia & alam semesta
-Ayat 46-62: Gambaran syurga peringkat pertama
-Ayat 62-78: Gambaran syurga peringkat kedua

**Surah Al-Waqi'ah** *(Hari Kiamat)*

**56**

-Memaparkan keadaan hari Kiamat yang sungguh dahsyat (bumi bergoncang & gunung-ganang hancur lebur)
-Menjelaskan keadaan manusia pada hari kiamat yang dikelas -kan kepada 3 golongan (golongan kanan, golongan kiri & golongan as-Saabiqun) serta balasan yang akan diperolehi oleh setiap golongan tersebut

**Surah Al-Hadid** *(Besi)*

**57**

Bermula dengan tasbih
Mengandungi seruan untuk berinfaq & berjihad dijalan Allah
Menerangkan tentang hakikat dunia yang penuh tipu daya dan akhirat sebagai tempat yang kekal abadi
Mengandungi nasihat untuk orang mukmin & perintah bertaqwa kepada Allah serta mengikut tuntunan para nabi

# Juzuk 28
(Bahagian 1)

## 58 Surah Al-Mujadalah
*(wanita yang bersoal jawab)*

- Tema: Menerangkan kelebihan ilmu Allah
- Memaparkan hukum zihar & kafaratnya, hukum berbisik-bisik secara tertutup, adab & etika majlis serta hukum orang munafik
- Satu-satunya surah yang setiap ayat menyebut lafaz "Allah"

## 59 Surah Al-Hasyr
*(Pengusiran)*

- Tema: Kekuasaan Allah dalam meninggikan mukmin & merendahkan musyrikin
- Memaparkan pengusiran Yahudi Bani Nadhir dari Madinah, hukum fa'i & ghanimah, sifat yahudi & munafik, perintah bertaqwa & penegasan keagungan Al-Quran & keagungan Dzat yang menurunkan -nya yang memiliki Asma'ul Husna

## 60 Surah Al-Mumtahanah
*(Perempuan yang diuji)*

- Tema: Kepentingan memberi kesetiaan (al-Wala') & berlepas diri (al-Bara') dalam Islam
- Dimulai & diakhiri dengan larangan mengambil musuh sebagai teman
- Memaparkan kisah Nabi Ibrahim a.s. & kaumnya yag beriman sebagai teladan, hukum tentang kaum perempuan yang berhijrah dari dari wilayah yang ditadbir oleh kafir ke wilayah Islam serta ujian buat mereka

## 61 Surah Al-Saff
*(Barisan)*

- Tema: Menolong agama Allah
- Mengandungi seruan untuk berperang di jalan Allah dalam satu barisan, perpindahan amanah daripada umat Nabi Musa kepada umat Nabi Isa kepada umat Nabi Muhammad, perintah beriman kepada Allah & Rasul serta berjihad dengan harta & jiwa

## 62 Surah Al-Jumu'ah
*(Hari Jumaat)*

- Tema: Memelihara syiar & keistimewaan agama Islam
- Satu-satunya surah yang menyebut tentang solat jumaat
- Memaparkan sifat-sifat spesifik Rasulullah yang merupakan penutup para nabi, kecaman terhadap kaum Yahudi atas sikap mereka yang mengabaikan Taurat

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

# Juzuk 28
(Bahagian 2)

63

## Surah Al-Munafiqun
*(Orang munafik)*

- Tema: berhati-hati dengan orang munafik
- Cerita orang munafiq disebut dalam al-Quran pada lebih 300 ayat dalam 17 surah & surah ini merupakan surah khusus yang menyebut tentang sifat munafiq
- Memaparkan bukti kebohongan munafiq Peringatan buat orang beriman agar tidak mengikuti akhlak orang munafiq serta perintah untuk berinfaq di jalan kebaikan

64

## Surah Al-Taghabun
*(Hari didedahkan segala kesalahan)*

- Tema: Kerugian orang kafir pada hari akhirat
- Memaparkan bukti kekuasaan Allah
- Mengandungi peringatan bagi orang kafir tentang apa yang menimpa kaum terdahulu yang mendustakan para Rasul & penegasan Allah bahawa hari Kiamat pasti terjadi

65

## Surah Al-Talaq
*(Talak)*

- Tema: Bertaqwa kepada Allah merupakan faktor terpeliharanya institusi kekeluargaan., masyarakat & ummah
- Mengandungi hukum-hakam penceraian yang lebih terperinci (talak, iddah, hak tempat tinggal, nafkah serta upah menyusu) serta ancaman Allah kepada mereka yang menentang dan melanggar perintahNya dan mendustakan para RasulNya

66

## Surah Al-Tahrim
*(Pengharaman)*

- Tema: Wasiat untuk pembentukan keluarga muslim
- Mengandungi hukum syariat yang khusus berkaitan dengan para isteri Rasulullah, teguran halus Allah kepada Rasulullah kerana baginda mengharamkan sesuatu atas diri baginda sendiri serta contoh wanita beriman (Maryam, & isteri Firaun) & tidak beriman (isteri Nabi Nuh & Nabi Luth)

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# Juzuk 29 (Bahagian 1)

## 67 Surah Al-Mulk *(Kerajaan)*

- Tema: Hanya Allah yang mempunyai pemerintahan & kerajaan
- Surah ini merupakan pembuktian kewujudan Allah, keesaaNya dengan menjelaskan ilmu & kekuasanNya, peringatan mengenai hari Kiamat yang pasti terjadi serta mengingatkan nikmat-nikmat Allah kepada hambaNya

## 68 Surah Al-Qalam *(Pena)*

- Tema: Dakwah untuk memartabatkan ketinggian akhlak
- Hikmah Allah bersumpah dengan al-Qalam untuk menunjukkan kepentingan ilmu & penulisan
- Allah memuji akhlak nabi (Ayat 4) & mencela akhlak yang buruk (Ayat 10-13)
- Mengandungi kisah pemilik kebun yang dimusnahkan oleh Allah

## 69 Surah Al-Haqqah *(Hari Kiamat)*

- Tema: Hari Kiamat
- Memaparkan kisah kaum terdahulu yang dimusnahkan oleh Allah kerana pendustaan mereka terhadap hari Kiamat & balasan akhirat terhadap mereka yang selamat serta mereka yang celaka setelah perhitungan amal
- Menunjukkan pengagungan al-Quran & pembuktian penurunannya melalui wahyu

## 70 Surah Al-Ma'arij *(Tempat-tempat naik)*

- Tema: Tuntutan untuk mencapai ketinggian darjat iman
- Antara kunci mencapai darjat yang tinggi ialah memelihara solat, infaq, percaya hari akhirat, takut azab Allah, memelihara kemaluan, menjaga amanah & menunaikan janji serta memberi kesaksian yang benar
- Mengandungi ancaman keras kepada orang musyrik
- Memaparkan keadaan orang kafir yang mendustakan Rasulullah di dunia & di akhirat

## 71 Surah Nuh

- Tema: Komited dalam berdakwah
- Satu-satunya surah yang menyebutkan tentang Nabi Nuh secara terperinci
- Memaparkan strategi dakwah Nabi Nuh

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## Surah Al-Jinn *(Jin)*

72

- Tema: Jin & manusia merupakan makhluk yang diberi tanggungjawab
- Memaparkan iman Jin terhadap Al-Quran & Allah SWT,perkhabaran mengenai keupayaan mereka & pemberitahuan bahawa jin terbahagi kepada 2 kelompok: mukmin & kafir
- Menjelaskan bahawa hanya Allah mengetahui perkara ghaib

## Surah Muzzammil

*(Orang yang berselimut)*

73

- Tema: Qiyamullail merupakan sumber kekuatan bagi pendakwah
- Mencakupi perintah Allah yang ditujukan kepada Rasulullah antaranya solat malam, tartil membaca al-Quran, banyak mengingati Allah, sentiasa bergantung kepadaNya & sabar atas gangguan musyrikin

## Surah Al-Muddaththir

*(Orang yang berselimut)*

74

- Tema: Kesungguhan dalam berdakwah
- Mengandungi bimbingan kepada Rasulullah di awal permulaan dakwah, peringatan keras kepada para pembesar musyrik, hikmah Allah menyebutkan jumlah para malaikat penjaga neraka (iaitu 19) serta dialog antara golongan kanan & golongan pendosa

75

## Surah Al-Qiyamah

*(Hari Kiamat)*

- Tema: Hari Kiamat
- Mengandungi pembuktian adanya hari kebangkitan & pembalasan amal perbuatan
- Mengenai semangat nabi untuk menghafal al-Quran & jaminan Allah kepada baginda
- Memaparkan keadaan manusia di akhirat (dapat melihat wajah Allah merupakan nikmat terbesar ahli syurga)

76

## Surah Al-Insan

*(Manusia)*

- Tema: Potensi manusia untuk menjadi ahli syurga
- Mengandungi kisah permulaan penciptaan manusia & kemampuan mereka, pembahagiannya kepada dua kelompok iaitu orang yang bersyukur & yang kufur serta pembalasan mereka
- Allah juga menyebutkan nikmat syurga & azab neraka

**Juzuk 29 (Bahagian 2)**

77

## Surah Al- Mursalat

*(Para Malaikat yang Diutus)*

- Tema: Peringatan Allah kepada manusia
- Allah bersumpah dengan angin & para malaikat
- Mengandungi penegasan tentang hari kiamat, waktu dan tanda-tandanya serta peringatan keras kepada mereka yang kufur

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

# Kenali Juzuk Amma

Mengandungi 37 surah pendek-pendek yang majoritinya turun fasa 2 (awal Makiyyah iaitu pertembungan lisan antara Rasulullah dengan pemimpin Quraisy)

Memaparkan tema berkaitan Qiyamat, malaikat & catatan amal, pertembungan antara mukmin & kafir, motivasi khusus buat Rasulullah, hari perhitungan, & sirah dakwah Rasulullah

Merakamkan kesantunan Allah & kesabaran Rasulullah selama 13 tahun menangani kebiadapan Quraisy & soalan-soalan merekan mengenai akhirat

## (78) Surah An-Naba'

*(Berita penting)*

- Tema: Penetapan kejadian hari kebangkitan
- Perkhabaran tentang bukti-bukti kuasa Allah SWT & bukti hari kebangkitan
- Semua perkara tertulis dalam buku catatan amal (Ayat 29)

## (79) Surah An-Nazi'at

*(Para Malaikat yang Mencabut)*

- Tema: Peringatan tentang situasi hari Kiamat
- Memaparkan dua situasi manusia:- berdebar ketakutan & pandangan yang tertunduk gerun
- Manusia akan dapat mengingati semua amal yang pernah dilakukan (Ayat 35)

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

**Juzuk 30 (Bahagian 1)**

## (80) Surah 'Abasa
*(Bermasam muka)*

- Tema: Hiburan bagi orang yang lemah dalam kalangan orang mukmin
- Manusia akan menjadi sangat sibuk di akhirat
- Nilai manusia terletak pada keimanan & keikhlasan bukan pada pangkat, kebesaran & kekayaan

## (81) Surah Al-Takwir
*(Penggulungan matahari)*

- Tema: Aman di akhirat dengan mengikut jalan ar-Rahman
- Mengandungi 12 sumpah Allah SWT
- Salah satu surah yang menyebab-kan rambut Nabi S.A.W beruban kerana beratnya isi kandungan surah

## (82) Surah Al-Infitar
*(Terbelah langit)*

- Tema: Amaran tentang tipu daya dunia
- Manusia sentiasa didampingi oleh Malaikat Pencatat Amalan (Ayat 10-12)
- Pembongkaran amalan yang telah dilakukan dan juga yang diabaikan

## (83) Surah Al-Mutaffifin
*(Orang-orang yang curang)*

- Tema: Ketinggian akhlak dalam Islam
- Kisah mengenai mereka yang curang dalam timbangan
- Buku catatan amalan manusia; Al-Fujjar (orang derhaka) terletak di Sijjin & Al-Abrar (orang taat) terletak di Illiyin

## (84) Surah Al-Insyiqaq
*(Terbelah)*

- Tema: Pembongkaran amalan di akhirat
- Penerima buku amalan dari sebelah kanan, hisabnya diringankan & sebaliknya berlaku kepada penerima sebelah kiri
- Salah satu surah yang dicadangkan oleh Nabi SAW untuk dipelajari & difahami

**Juzuk 30**
**(Bahagian 2)**

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## (85) Surah Al-Buruj
*(Gugusan Bintang)*

- Tema: Berpegang teguh pada aqidah
- Sumpah Allah dengan langit yang mempunyai gugusan bintang, hari Kiamat & seluruh makluk yang bersaksi & disaksikan untuk melaknat Ashabul Ukhdud
- Sebagai motivasi buat orang mukmin untuk kekal tauhid biarpun diuji

## (86) Surah Al-Tariq
*(Yang datang di malam hari)*

- Tema: Kejadian manusia merupakan bukti keesaan Allah
- Allah bersumpah dengan langit & bintang yang bersinar bahawa setiap manusia mempunyai para penjaga yang menjaganya dari rezeki, amal & ajalnya.
- Segala rahsia & isi hati akan dibuka pada hari akhirat

## (87) Surah Al-A'la
*(Yang paling tinggi)*

- Tema: Peringatan kepada orang mukmin tentang kehidupan akhirat
- Dimulai dengan perintah untuk menyucikan Allah dari segala kekurangan & mengagungkanNya dengan seluruh sifat-sifat mulia
- Allah mengingatkan bahawa kehidupan akhirat lebih baik & kekal berbanding dunia (ayat 16)

## (88) Surah Al-Ghashiyah
*(Hari Pembalasan)*

- Tema: Peringatan balasan kepada orang yang taat & orang yang kafir
- Al-Ghasiyah merupakan salah satu nama hari Kiamat
- Allah memperincikan balasan di hari akhirat kepada orang yang kafir (ayat 2-7) & kepada orang yang taat (ayat 8-16)

## (89) Surah Al-Fajr
*(Fajar)*

- Tema: Pengawasan daripada Allah
- Memaparkan kisah 3 kaum yang telah Allah musnahkan iaitu kaum 'Ad, Thamud & Firaun
- 4 ciri penghuni neraka: Tidak memuliakan anak yatim & memberi makan kepada mereka, makan harta warisan secara batil serta cintakan harta secara berlebihan

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

**Juzuk 30**
**(Bahagian 3)**

## (90) Surah Al-Balad
*(Negeri)*

- Tema: Dunia adalah tempat ujian
- Allah bersumpah dengan Mekah yang telah dimuliakan Allah dengan Ka'bah & dijadikan kiblat orang muslimin
- Memaparkan ciri golongan kanan (Ashabul Maimanah) pada ayat 13-18 & golongan kiri (Ashabul Mash'amah) pada ayat 19

## (91) Surah Al-Syams
*(Matahari)*

- Tema: Penyucian jiwa antara kejayaan & kerugian
- Mengandungi sumpah Allah dengan beberapa makhluk sebagai renungan
- Allah memberi penegasan tentang kejayaan orang yang mensucikan jiwanya & kerugian orang yang mengotori jiwanya (Ayat 9-10)
- Ibrah dari kisah kaum Thamud

## (92) Surah Al-Lail
*(Malam)*

- Tema: Pemurah & bakhil
- Menjelaskan 2 kelompok manusia:
  1. Orang yang mendermakan hartanya di jalan Allah, memberikan hak Allah, meninggalkan yang mungkar & membenarkan janji Allah
  2. Orang yang kikir dengan harta yang dimiliki & tidak menderma

## (93) Surah Al-Dhuha
*(Waktu Dhuha)*

- Tema: Perhatian Allah kepada nabi
- Dimulai dengan sumpah bahawa Allah tidak meninggalkan nabi Memaparkan nikmat yang telah Allah kurniakan kepada nabi sejak kecil
- Diakhiri dengan 3 pesan: bersikap lembut kepada anak yatim, menyambung silaturrahim dengan orang miskin & mensyukuri nikmat

## (94) Surah Al-Syarh
*(Kelapangan)*

- Tema: Nikmat Allah keatas nabiNya
- Juga dinamakan al-Insyirah kerana dimulai dengan khabar mengenai lapangnya dada nabi kerana petunjuk
- Menyebutkan nikmat Allah kepada nabi, janji Allah untuk mempermudah setiap kesulitan, anjuran untuk sentiasa melakukan amal soleh serta sentiasa bertawakal kepadaNya

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

**Juzuk 30**
**(Bahagian 4)**

## (95) Surah Al-Tin
*(Buah Tin)*

- Tema: Manusia sebaik-baik makhluk
- Allah bersumpah dengan buah tin & zaitun kerana manfaat yang ada pada keduanya
- Manusia akan kekal menjadi sebaik-baik penciptaan sekiranya beriman & beramal soleh & sebaliknya terjadi jika tidak beriman & tidak beramal soleh

## (96) Surah Al-'Alaq
*(Segumpal darah)*

- Tema: Kemuliaan manusia dengan ilmu & ibadah
- Menjelaskan hikmah Allah dalam penciptaan manusia
- Memaparkan sikap manusia yang ingkar & melupakan nikmat Allah
- Ulasan Allah tentang Abu Jahal yang menghalang Rasulullah solat di hadapan Kaabah

## (97) Surah Al-Qadr
*(Kemuliaan)*

- Tema: Kelebihan malam al-Qadr
- Berbicara tentang sejarah penurunan al-Quran pada malam Lailatul Qadar & keutamaan malam ini berbanding malam yang lain
- Nilai malam Lailatulqadar bersamaan dengan 1000 bulan & hikmah dirahsiakannya adalah supaya manusia giat beribadah & tidak malas

## (98) Surah Al-Bayyinah
*(Bukti yang nyata)*

- Tema: Agama Allah hanyalah Islam
- Menjelaskan hubungan Ahlul Kitab (Yahudi & Nasrani) & orang musyrik dengan risalah Nabi Muhammad
- Allah menyebut bahawa inti utama ibadah ialah ikhlas hanya keranaNya
- Memaparkan tempat kembali orang kafir (iaitu neraka) & orang mukmin (iaitu syurga)

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

## (99) Surah Al-Zalzalah
*(Kegoncangan)*

- Tema: Hisab di hari akhirat sangat terperinci
- Dinamakan al-Zalzalah kerana dimulai dengan pemberitahuan terjadinya gempa yang dahsyat beberapa saat sebelum kiamat
- Segala amal yamng dilakukan akan dihisab sama amal baik atau buruk walaupun sebesar zarah

Juzuk 30
(Bahagian 5)

## (100) Surah Al-'Adiyat
*(Kuda perang)*

- Tema: Faktor kecelakaan manusia
- Allah bersumpah dengan kuda yang sangat berharga bagi orang Arab bertujuan menarik perhatian mereka
- Allah menghina manusia yang mengingkari nikmat Tuhannya, mendahulukan kehidupan dunia dari akhirat & tidak mempersiapkan diri untuk hari perhitungan

## (101) Surah Al-Qari'ah
*(Hari Kiamat)*

- Tema: Situasi di hari Kiamat
- Menjelaskan sebahagian tanda Kiamat seperti hancurnya gunung-ganang menjadi debu
- Pemberitahuan tentang penimbangan amal manusia. Orang yang timbangan amalnya berat akan masuk syurga, orang yang timbangan amalnya ringan akan masuk neraka

## (102) Surah Al-Takathur
*(Bermegah-megah)*

- Tema: Ancaman Allah kepada yang lalai dengan akhirat
- Surah ini menjelaskan kesibukan manusia meraih kenikmatan dunia & lupa diri
- Mengingatkan adanya pertanyaan tentang perbuatan yang dilakukan
- Punca lalai: panjang angan-angan, urusan dunia, harta & anak-anak

## (103) Surah Al-'Asr
*(Masa/Waktu)*

- Tema: Kerugian & kejayaan yang sebenar
- Sumpah Allah dengan waktu ini merupakan dalil kemuliaan & menunjukkan pentingnya waktu
- 4 ciri orang yang beruntung: Beriman, beramal soleh, berpesan kepada kebaikan & kesabaran

## (104) Surah Al-Humazah
*(Pengumpat)*

- Tema: Manusia yang tertipu dengan harta benda
- Surah ini berbicara tentang akhlak buruk manusia yang suka mencela
- Allah mencela orang yang merendahkan orang lain serta orang yang giat mengumpulkan harta
- Memaparkan balasan untuk 2 jenis manusia ini iaitu neraka Huthamah

تدبر
HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

**Juzuk 30**
**(Bahagian 6)**

## (105) Surah Al-Fil
*(Gajah)*

- Tema: Kurniaan Allah terhadap orang Quraisy
- Mengandungi kisah tentera bergajah pimpinan Abrahah yang dibinasakan akibat dari rencana mereka yang ingin menghancurkan Ka'bah
- Sebagai amaran Allah kepada Quraisy

## (106) Surah Quraisy
*(Suku Quraisy)*

- Tema: Kemuliaan orang Quraisy yang pandai berdagang
- Umat yang Allah muliakan sehingga mereka selamat untuk berdagang pada musim sejuk dan musim panas
- Mengandungi seruan untuk mentauhidkan Allah

## (107) Surah Al-Ma'un
*(Bantuan)*

- Tema: Peringatan tentang hak Allah & hak manusia
- Hak terhadap Allah: ibadat solat
- Hak terhadap manusia: zakat, sedekah & kebajikan
- Allah mencela sifat orang kafir & munafik iaitu bakhil, meninggalkan solat, riya' & tidak mengeluarkan zakat

## (108) Surah Al-Kauthar
*(Nikmat yang banyak)*

- Tema: Kurniaan Allah ke atas nabiNya
- Antara kurniaanNya ialah banyaknya kebaikan di dunia & akhirat, contohnya sungai Kauthar di syurga kelak
- Mengandungi perintah Allah untuk sentiasa menunaikan solat dengan ikhlas & menyembelih binatang ternakan sebagai tanda syukur

## (109) Surah Al-Kafirun
*(Orang-orang kafir)*

- Tema: Menjauhi diri dari kesyirikan
- Surah ini menegaskan bahawa Tuhan yang disembah oleh Nabi Muhammad adalah tidak sama seperti tuhan sembahan oleh orang kafir
- Baginda tidak pernah menyembah apa-apa yang disembah oleh orang kafir sama sekali

HAK CIPTA TERPELIHARA TADABBUR CENTRE

## Juzuk 30 (Bahagian 7)

## (110) Surah Al-Nasr
*(Pertolongan)*

- Tema:Petanda hampirnya ajal Nabi
- Surah ini merupakan janji Allah bahawa pertolonganNya akan datang & islam akan beroleh kemenangan
- Kemenangan yang hakiki ialah apabila manusia memasuki islam secara berbondong-bondong
- Perintah Allah untuk sentiasa bertasbih, bertahmid & beristighfar

## (111) Surah Al-Masad
*(Sabut)*

- Tema:Balasan terhadap musuh-musuh Islam
- Dinamakan juga sebagai al-Lahab
- Memaparkan balasan di dunia & akhirat bagi Abu Lahab & isterinya kerana memusuhi Rasulullah

## (112) Surah Al-Ikhlas
*(Ikhlas)*

- Tema: Mentauhidkan Allah
- 5 sifat Allah: Tiada sekutu bagiNya, tidak berhajat kepada makhluk, tiada permulaan & pengakhiran & tiada yang serupa denganNya

## (113) Surah Al-Falaq
*(Waktu Subuh)*

- Tema: Perlindungan kepada Allah dari kejahatan dunia
- 4 kejahatan: Makhluk-makhluk, waktu malam, perbuatan (penyihir) & jiwa (hasad)

## (114) Surah Al-Nas
*(Manusia)*

- Tema: Perlindungan kepada Allah dari perkara yang boleh merosakkan agama
- Perkara yang merosakkan agama iaitu perasaan was-was yang datang daripada syaitan

**Juzuk 30**
**(Bahagian 8)**

HAK CIPTA TERPELIHARA
TADABBUR CENTRE

TADABBUR CENTRE